ورتا ڤنرڠن

# Warta Penerangan

جابتن ڤنرڠن جابتن ڤردان منتري نݢارا بروني دارالسلام

JUN 2019











# DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

## DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

## DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

## DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

## DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang

InfoDeptBN

Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun *InfoDeptBN*.

App Store Google Play



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**
**Jabatan Penerangan**
**Jabatan Perdana Menteri**

***"Membudayakan Masyarakat Bermaklumat"***

## Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan


WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.




NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Isi Kandungan — Muka


| Isi Kandungan | Muka |
|---|---|
| Sekapur Sirih Pemangku Pengarah Penerangan | 5 |
| Aidilfitri warga, mantan Penerangan meriah | 6 |
| Bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M | 8 |
| Suasana Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M di bahagian dan unit Jabatan Penerangan | 9-11 |
| Jasamu tetap dikenang | 11-12 |
| Unit Penyelidikan dan Perkembangan | 13 |
| Unit Kemasyarakatan | 14 |
| Peristiwa penting Jabatan Penerangan | 15 |
| Pedoman | 15 |
| Unit Penerbitan Inggeris II | 15 |
| Jabatan Penerangan semai semangat patriotisme penuntut | 16-17 |
| Surau Jabatan Penerangan | 18 |
| Jabatan Penerangan Cawangan Tutong | 19 |
| Jabatan Penerangan komited barigakan ASEAN kepada penuntut | 19-20 |
| Kerjasama eratkan silaturahim | 21 |
| Aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang bulan Jun 2019 | 22 |

# Sekapur Sirih
# Pemangku Pengarah Penerangan



*PEMANGKU Pengarah Penerangan,*
*Awang Mawardi bin Haji Mohammad*

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

Segala puji dan syukur kehadrat Allah seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat baginda, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahi Hamd

**ALHAMDULILLAH**, dalam Syawal yang mulia ini, paramba/saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada warga kerja Jabatan Penerangan di mana jua mereka bertugas.

Di Aidilfitri inilah kesempatan terbaik sekali untuk kita semua saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu dan bahagian. Ambillah peluang ini untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Akhir kata, paramba/saya dengan rasa kerendahan hati mengambil kesempatan ini memohon kemaafan zahir dan batin atas apa jua kesalahan mahupun kekhilafan yang dilakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

**Mawardi bin Haji Mohammad**
**Pemangku Pengarah**
**Jabatan Penerangan**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam.**

# Aidilfitri warga, mantan Penerangan meriah

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid




*PERSEMBAHAN dendangan nyanyian memeriahkan lagi suasana Majlis Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan dan Mantan Warga Penerangan.*

JABATAN Penerangan dengan kerjasama Mantan Warga Penerangan menganjurkan Majlis Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan Bersama Mantan Warga Penerangan di Harini Restaurant, Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Ahad, 23 Jun.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Bersama.

Juga hadir, mantan-mantan Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Penasihat Bersama; Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku Pengerusi Bersama.

Seramai 180 orang warga Jabatan Penerangan terdiri daripada mantan-mantan Pengarah Penerangan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang berkhidmat dan bersara juga berpindah ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain menghadiri majlis berkenaan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Pengerusi Bersama dan mewakili pihak Jawatankuasa Kerja Majlis Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan dan Mantan Warga Penerangan dalam ucapannya menyatakan, majlis tersebut dihasratkan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga Jabatan Penerangan, sama ada yang sudah bersara mahupun yang masih berkhidmat di Jabatan Penerangan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada lima warga Jabatan Penerangan yang bersara pada tahun 2018 yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Persembahan Dendangan Aidilfitri, nyanyian finalis Bintang Penerangan dan nyanyian raya dari rumah-




*MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Bersama menyampaikan sijil dan cenderamata kepada warga Penerangan yang telah bersara.*

rumah, di samping cabutan angka bertuah turut memeriahkan lagi sambutan tersebut.

Inisiatif dan usaha untuk mengadakan sambutan yang penuh berkebajikan tersebut adalah bagi mengukuhkan lagi ikatan persahabatan dan setia kawan, di samping berinteraksi juga beramah mesra dengan bertukar-tukar idea dan pandangan dalam satu kelompok keluarga Penerangan yang penuh harmoni.

Majlis merupakan julung-julung kalinya diadakan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama Mantan Warga Penerangan setelah dua acara berjaya dianjurkan bersama, iaitu Majlis *Reunion* Warga Penerangan pada 7 Oktober 2018 dan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 23 Oktober 2018.



*BERGAMBAR ramai semasa Majlis Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan dan Mantan Warga Penerangan.*

# Bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

**KETIKA** umat Islam sibuk bermaaf-maafan serta melayan tetamu sambil menikmati hidangan hari raya, mereka yang bertugas di pagi raya hanya dapat menyambutnya bersama rakan setugas.

Sungguhpun demikian, tanpa rasa penat lelah mereka tetap memberikan khidmat demi tuntutan tugas. Di sebalik tanggungjawab yang digalas, keriangan hari raya tetap dirai ditambah lagi dengan laungan takbir raya. Bagi warga Penerangan yang bertugas di istana, tugas yang diamanahkan kepada mereka tetap akan dilaksanakan demi Raja dan negara yang tercinta.









*SUASANA di Istana Nurul Iman semasa pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan menjalankan tugas sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M.*

# Suasana Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M di bahagian dan unit Jabatan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

**SEPERTI** lazimnya setiap tahun apabila Hari Raya Aidilfitri disambut, warga Jabatan Penerangan tidak ketinggalan mengadakan pejabat terbuka di bahagian dan unit masing-masing di Jabatan Penerangan. Sambutan Hari Raya tersebut diharap akan dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama warga Jabatan Penerangan dan saling bermaaf-maafan di hari yang berbahagia ini. Penat lelah bertugas selama ini terubat dengan adanya sambutan Hari Raya Aidilfitri apabila berjumpa pegawai dan kakitangan yang hadir bertanya khabar dan berbual mesra.























*SUASANA semasa mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M di bahagian dan unit masing-masing di Jabatan Penerangan.*

# Jasamu tetap dikenang

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar telah berkhidmat dengan Jabatan Penerangan bermula 14 September 1981 hingga 14 Oktober 2019. Sepanjang beliau bertugas di Jabatan Penerangan terlalu banyak suka dan duka yang telah ditempuhi dalam menjalankan pelbagai tugas. Semua itu tersemat dalam sanubari beliau dan tidak semudah itu dapat dilupakan. Tanggal 27 Jun 2019 merupakan hari terakhir beliau berkhidmat di Jabatan Penerangan. Mungkin terasa berat melangkah pergi dari Jabatan Penerangan namun semua itu juga memberikan kebaikan kepada beliau untuk berehat. Didoakan beliau sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dari sebarang penyakit dan hidup sihat di samping keluarga tersayang. InsyaaAllah dipanjangkan umur akan bersua lagi di masa akan datang.











# Unit Penyelidikan dan Perkembangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Unit Penyelidikan dan Perkembangan

**TUGAS** dan tanggungjawab (TOR) Unit Penyelidikan dan Perkembangan ialah memantau kemajuan dan perkembangan Penunjuk Prestasi Utama (KPIs) pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, berperanan selaku sekretariat dalam menyelaras dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Penggerak Prestasi (JEPP), menyelaras penempatan pegawai/kakitangan jabatan lain dan mahasiswa dan mahasiswi untuk membuat penempatan kerja di jabatan ini dan merancang, menyelaras, mengendalikan dan mengenal pasti keperluan program latihan sama ada kursus (jangka panjang dan jangka pendek), seminar, forum, persidangan, simposium dan bengkel.

Selain itu, merancang dan mengurus peruntukan dan perbelanjaan program latihan dalam dan luar negeri dari aspek pembangunan diri, penguasaan pengetahuan kemahiran, kreativiti dan inovasi, mengenal pasti kebolehan pegawai bagi mengisi jawatan kosong secara pemangkuan atau kenaikan pangkat bagi semua peringkat mengikut kesesuaian jabatan, menyediakan kajian skim perkhidmatan jawatan dan tangga gaji, penyusunan semula struktur organisasi dan menyelaras dan mengaturkan Mesyuarat Tenaga Manusia dan Mesyuarat Pelan Strategik setiap sebulan sekali.



*KAKITANGAN Unit Penyelidikan dan Perkembangan semasa menjalankan tugas.*

# Unit Kemasyarakatan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

UNIT Kemasyarakatan merupakan sebuah unit dalam Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan yang diketuai oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir dan tujuh orang pegawai dan kakitangan di bawahnya. Unit ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam membangun negara menuju Wawasan Brunei 2035.

Antara program-program yang dilaksanakan oleh unit ini ialah Program Masyarakat Bermaklumat (PMB), Program Muzakarah Penerangan (PMP), Awasi Anak Kitani (AAK) dan Program Sua Muka *(Personal Contact)*. Semasa berlangsungnya PMB, beberapa isu menjadi topik perbincangan di antara para penduduk kampung dengan agensi-agensi kerajaan terbabit.



***PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Program Sua Muka yang diadakan di Kampung Kenua, Mukim Bokok pada 24 Januari.***




***PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan di Dewan Sejahtera 2, Tingkat 1, Sumbangsih Bahagia, Kompleks Perindustrian Beribi II, Jalan Gadong pada 2 Mac.***

# Peristiwa penting Jabatan Penerangan

**PELITA** Brunei keluaran 20 Jun 2007, seramai 48 orang penuntut termasuk guru-guru dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan. Rombongan berpeluang berinteraksi dalam sesi ramah mesra dan soal jawab di antara rombongan serta para pegawai yang hadir dalam majlis tersebut.


Pelajar Sekolah Menengah YSHHB lawat Jabatan Penerangan

Oleh : Norliah Md. Zain

# Pedoman

**HADIS** diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha bahawa "Adalah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersungguh-sungguh (mengerjakan amal ibadat) di 10 hari terakhir (bulan Ramadan), apa yang baginda tidak kerjakan di 10 hari terakir (bulan-bulan) yang lain."

# Unit Penerbitan Inggeris II

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Unit Penerbitan Inggeris II

**UNIT** Penerbitan Inggeris II termasuk di bawah Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik. Unit ini diketuai oleh Pegawai Penerangan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya dan tiga orang kakitangan di bawahnya.



Unit ini menyediakan penerbitan bahan-bahan maklumat dalam bahasa Inggeris seperti *Brunei Darussalam Annual Report, Brunei in Brief, Traditional Handicrafts of Brunei Darussalam* dan *Brunei Darussalam Newsletter.*

Unit Penerbitan Inggeris II juga menerbitkan buku-buku dan majalah dalam bahasa Inggeris untuk bacaan dan rujukan para pembaca dari dalam dan luar negeri.

# Jabatan Penerangan semai semangat patriotisme penuntut

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid Hamzah Mohidin/Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Noraisah Muhammed



*SEBAHAGIAN penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hasan yang hadir semasa Program Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan pada 11 Jun.*



*SALAH seorang penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hasan yang menyertai Kuiz Kenegaraan.*



*PEGAWAI Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Lambak Kiri.*



*PENUNTUT Tahun 7, Sekolah Menengah Lambak Kiri yang menghadiri taklimat tersebut pada 12 Jun.*



*TAKLIMAT Kenegaraan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin di Perpustakaan Tingkat 1, Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SMNLP), Jangsak pada 22 Jun.*



*PARA penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.*



*ANTARA pelajar Sekolah Menengah Chung Ching yang hadir pada Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 24 Jun.*




*BERGAMBAR ramai semasa Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Chung Ching.*



*PENOLONG Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin selaku Ketua Cawangan Penerangan Belait semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Dewan Sekolah St. John pada 25 Jun.*



*ANTARA pelajar-pelajar Sekolah St. John yang hadir mendengarkan Taklimat Kenegaraan di dewan sekolah tersebut.*



*ANTARA pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar yang hadir mendengarkan Taklimat Kenegaraan di bilik perpustakaan sekolah tersebut pada 29 Jun.*




*SALAH seorang pelajar memilih soalan yang hendak dijawab.*

# Surau Jabatan Penerangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

JABATAN Penerangan sama juga seperti jabatan-jabatan kerajaan yang lain memiliki berbagai-bagai kemudahan antaranya ialah surau. Surau Jabatan Penerangan terletak di Tingkat 1, bangunan lama.

Lazimnya surau tersebut dibina adalah untuk memberi kemudahan kepada pegawai dan kakitangan untuk mengerjakan solat selain itu ianya digunakan untuk mengadakan pelbagai majlis keagamaan seperti Sambutan Nuzul Al-Quran, Sambutan Israk dan Mikraj, majlis yang diadakan untuk memberi derma dan sedekah kepada anak-anak yatim Jabatan Penerangan semasa bulan Ramadan, meraikan pegawai dan kakitangan yang bakal menunaikan fardu haji dan sebagainya. Selain itu, setiap hari Khamis juga diadakan tahlil di surau tersebut.



***SURAU Jabatan Penerangan terletak di Tingkat 1, bangunan lama tempat pegawai dan kakitangan mengerjakan solat dan mengadakan pelbagai majlis keagamaan.***



***SURAU dilengkapkan dengan tempat berwuduk bagi kemudahan menunaikan solat.***

# Jabatan Penerangan Cawangan Tutong

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

CAWANGAN Penerangan Daerah Tutong merupakan salah sebuah cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah. Dengan diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hassanul Hidayat bin Haji Abu Bakar dan sembilan orang kakitangan, cawangan ini menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program serta pelbagai tugasan lain.

Cawangan Penerangan Daerah Tutong bertanggungjawab dalam mengendalikan program-program kenegaraan dan juga mengendalikan program-program kemasyarakatan.

Selain itu, cawangan ini turut mengedarkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan seperti Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan juga Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei di beberapa lokasi. Di samping menjual buku-buku terbitan Jabatan Penerangan, Cawangan Tutong juga menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang mana orang ramai dialu-alukan untuk menggunakan perpustakaan cawangan. Antara bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan ini ialah bahan-bahan terbitan jabatan seperti Koleksi Pelita Brunei, Titah-Titah dan Sabda.

Selain itu, cawangan ini juga turut menyediakan perkhidmatan pembesar suara (PA System). Perkhidmatan ini diberikan untuk kegunaan acara-acara rasmi terutama yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan.

Pegawai dan kakitangan Cawangan Tutong juga bertugas selaku Pegawai Penghubung Media (MRO) jika diperlukan bagi acara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan kerabat diraja ke Daerah Tutong. Dan juga selaku Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan yang berkepentingan dalam menangani bencana di Daerah Tutong.



*KETUA Kokurikulum, Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Ajamain bin Haji Othman semasa hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Menengah Tanjong Maya pada 16 Januari.*

# Jabatan Penerangan komited barigakan ASEAN kepada penuntut

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



*SALAH seorang pelajar semasa diajukan soalan Kuiz ASEAN semasa di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Mentiri pada 19 Jun.*



*PARA pelajar Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Mentiri yang teruja untuk menjawab sesi Kuiz ASEAN.*



*SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa yang mendengarkan taklimat Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan pada 24 Jun.*



*PARA penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa semasa mengisikan borang kaji selidik mengenai Jerayawara Kenali ASEAN.*



*SALAH seorang pelajar semasa menjawab Kuiz ASEAN semasa di Sekolah Menengah Awang Semaun pada 25 Jun.*



*SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun yang yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan.*



*SEBAHAGIAN penuntut Sekolah Menengah Rimba II teruja untuk menjawab soalan Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan pada 27 Jun.*



*SALAH seorang penuntut Sekolah Menengah Rimba II membuat catatan semasa mendengar taklimat Jerayawara Kenali ASEAN.*

# Kerjasama eratkan silaturahim

Berita dan Foto: Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media

JABATAN Penerangan telah dilantik oleh NFABD selaku Jawatankuasa Bersama Media bagi Perlawanan Peringkat Kelayakan Pusingan 1, Piala Dunia FIFA 2022 Qatar dan Piala Asia AFC 2023 di antara Negara Brunei Darussalam dengan Mongolia pada hari Selasa, 11 Jun 2019.

Selain dipertanggungjawabkan untuk membuat liputan pada perlawanan berkenaan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama NFABD telah membuka Mini Pusat Media di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bertujuan bagi kegunaan para pengamal media yang membuat liputan perlawanan dan memudahkan lagi mereka menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Pihak jabatan juga secara tidak langsung membantu bagi mengendalikan *Pre-match Press Conference* pada hari Isnin, 10 Jun 2019 dan *Post-match Press Conference* setelah tamat perlawanan pada hari Selasa, 11 Jun 2019.

Kerjasama di antara Jabatan Penerangan dengan NFABD mengeratkan lagi silaturahim yang telah terjalin selama ini.



*ANTARA ahli jawatankuasa dan pengamal media yang bertugas semasa perlawanan tersebut diadakan.*



*PARA media mendapatkan vest di Pusat Media.*



*ANTARA ahli jawatankuasa yang bertugas semasa perlawanan tersebut diadakan.*



*SUASANA semasa perlawanan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.*

# Aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang bulan Jun 2019

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan




*SUASANA semasa Majlis Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan dan Mantan Warga Penerangan.*




*SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri di bahagian dan unit di Jabatan Penerangan (atas dan bawah).*




جوالن بوكو٢ تربيتن
جابتن ڤنرڠن

**DAPATKAN SEKARANG!**

# JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

**Waktu Perniagaan**
Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi




## HIMPUNAN TITAH

| Tahun | Harga |
|---|---|
| 1984 - 1987 | $5.50 |
| 1988 - 1989 | $5.50 |
| 1990 - 1991 | $8.00 |
| 2012 | $7.50 |
| 2013 | $6.50 |
| 2014 | $6.00 |
| 2015 | $5.00 |
| 2016 | $4.00 |
| 2017 | $5.00 |




## HIMPUNAN SABDA

| Tahun | Harga |
|---|---|
| 2012 | $3.50 |
| 2013 | $4.00 |
| 2014 | $2.00 |
| 2015 | $4.00 |
| 2016 | $2.00 |
| 2017 | $3.00 |




## BRUNEI TODAY

| Edisi | Harga |
|---|---|
| Sept 2017 - Jubli Emas | $3.50 |
| Jun 2018 | $2.50 |




KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016




## HALUAN

| Tahun | Harga |
|---|---|
| 2012 | $23.00 |
| 2015 - 2016 | $12.50 |
| 2017 | $8.50 |




BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2015 - 2016




BRUNEI-MUARA DISTRICT




BELAIT DISTRICT — TUTONG DISTRICT — TEMBURONG DISTRICT

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**
JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242
BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH, BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**CAWANGAN DAERAH TEMBURONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG, BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

**CAWANGAN DAERAH TUTONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

**CAWANGAN DAERAH BELAIT**
PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

InfoDeptBN — Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam — infodept.bn — infodept_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

**http://www.penerangan.gov.bn**
**http://www.information.gov.bn**
**http://www.pelitabrunei.gov.bn**
**http://www.infofoto.gov.bn**

*Media Sosial Penerangan:*

Like us on Facebook **Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**

**infodept.bn**

**infodept_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Tel : 2383400 Faks : 2382242**